



Headline: Bekas pensyarah ditipu lebih RM2 juta
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 7 November 2021

Language: Malay
Section: Mahkamah & Jenayah
Page: 14

Bekas pensyarah ditipu lebih RM2 juta

KUALA LUMPUR - Seorang wanita warga emas mengalami kerugian lebih RM2 juta selepas ditipu ahli sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai 'pegawai Telekom Malaysia' pada Isnin.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kuala Lumpur, Superintendan Tan Poh Cheok berkata, pihaknya menerima laporan daripada wanita yang berusia 80 tahun itu pada Selasa.

Menurutnya, mangsa yang juga bekas pensyarah dihubungi oleh individu yang menyamar sebagai 'pegawai Telekom Malaysia' mendakwa terdapat satu talian didaftarkan atas namanya digunakan untuk aktiviti perjudian dan perubahan wang haram.

"Mangsa diminta membuat beberapa transaksi secara pindahan wang berjumlah RM730,000 dan diminta untuk menyerahkan kad ATM (kepada pihak sindiket).

"Selepas itu mangsa mendapati terdapat transaksi pindahan wang daripada akunya berjumlah RM1.8 juta,"



POH CHEOK

katanya dalam satu kenyataan.

Poh Cheok memberitahu, kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Pada masa sama, beliau menggesa orang ramai supaya sentiasa berwaspada dengan helah yang digunakan oleh pihak sindiket.

"Orang ramai dinasihatkan untuk mendapatkan butir-butir terperinci mengenai pihak yang menghubungi mereka dan membuat pengesahan semula kepada agensi-agensi berkaitan melalui talian rasmi," jelas beliau.